



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 2 APRIL 2019

- 1. Galak Anak Muda Bertani**
 - **SINAR HARIAN**
- 2. Agro Mall FAMA Jual Hasil Tani, Perladangan**
 - **Berita Harian**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : Sinar Harian

TARIKH : 2 April 2019

PERKARA : Pertanian



Muhammad Muizzuddin bersama hasil timun yang pernah dijual sebelum ini.



Muhammad Muizzuddin menunjukkan rock melon bebungannya di ladangnya di Kampung Talang Dusun, di sini.

Galak anak muda bertani

Muhammad Muizzuddin ubah nasib, kini usahawan tani berjaya

SADULLAH AHMAD

KUALA KANGSAR

Sebut sahaja pertanian, pasti ramai terbayang individu berjauhan sambil memegang cangkuk.

Namun, sebenarnya pertanian kini tidaklah seperti yang digambarkan malah memberi pulangan yang sangat lumayan setanding dengan kerjaya profesional lain.

Bagi seorang anak muda, Muhammad Muizzuddin Din, 28, bidang pertanian berjaya melonjak dirinya ke tahap lebih tinggi.

Memutuskannya, sebelum menceburi bidang pertanian, dia bekerja sebagai penjual kereta terpakai sehinggalah bapanya meninggal dunia.



Muhammad Muizzuddin bersama pokok rock melon yang ditanam menggunakan kaedah fertigation.

Katanya, selepas itu dia pulang ke Kampung Talang, di sini kerana menjaga ibu.

"Masa awal balik kampung saya terus fikir nak tanam sayur. Masa itu saya tanam timun, kacang panjang dan beberapa sayur lain.

"Alhamdulillah semua tanaman menjadi dan daripada situlah minat saya terhadap bidang pertanian itu timbul, saya buat secara serius," katanya kepada Sinar Harian.

Muhammad Muizzuddin berkata, selepas beberapa tahun, minatnya berubah kepada tanaman buah-buahan dengan memilih rock melon sebagai tanaman utama.

Ada petani tak nak kongsi ilmu

Bercerita mengenai bagaimana minat terhadap rock melon ini muncul, dia menjelaskan ia bermula disebabkan suka terhadap buah berkenaan.

Katanya, memang ada rakan-rakan dan petani yang menanam rock melon tetapi disebabkan segan mendapatkan buah tersebut dia mengambil keputusan menanam sendiri.

"Masa mula-mula

BIDATA

Nama: Muhammad Muizzuddin Din
Umur: 28
Isteri: Nurshikin Mohd Saad, 27
Ajal: Kuala Kangsar
Pendidikan: Kolej Vokasional Padang Rengas
Produk: Buah rock melon

memang susah sebab bila tanaman tak jadi, saya nak tanya petani yang tanam rock melon ini ada yang tak nak kongsi ilmu. Jadi saya terpaksa cari sendiri macam mana nak selesaikan masalah," katanya.

Menurutnya, daripada pengalaman itu, perkara paling penting yang perlu ada pada setiap petani adalah ilmu.

Kini, beliau tidak lagi bimbang apabila mendapat banyak bimbingan daripada agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang Kawatan (PPK), Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA), Agrobank dan lain-lain.

Pengurusan masa, perlu disiplin
Di sebalik kejayaan sebagai peladang, Muhammad



Muhammad Muizzuddin (kanan) menerima insentif daripada FAMA yang diampunkan Exco Kerajaan Persekutuan, Abdul Yunus Janhari.

Muizzuddin tidak terlepas dari ujian dan antara yang meninggalkan kesan apabila buah-buah rock melon yang menunggu untuk dituai dihanyutkan air akibat banjir namun dia reka dan mengangapnya sebagai ujian.

Menurut Muhammad Muizzuddin, rahsia kejayaannya sehingga kini adalah pengurusan.

"Apa sahaja bidang yang diceburi, pengurusan sangat penting. Kejayaan dan kegagalan bergantung kepada pengurusan kita sama ada pengurusan kewangan dan pengurusan masa.

"Saya bersyukur kerana isteri dan keluarga sangat membantu. Merekalah yang menjadi tulang belakang saya sehingga ke hari ini," katanya.

Galak lebih ramai anak muda sertai pertanian

Muhammad Muizzuddin mempunyai harapan besar untuk melihat lebih ramai anak muda menceburi bidang pertanian.

Katanya, bidang pertanian memberi pulangan sangat lumayan jika diuruskan dengan betul malah membantu negara dari segi jaminan makanan.

Menurut beliau, tanaman rock melon bagi keluasan 0.4 hektar mampu memberi pendapatan kira-kira RM50,000 bagi sekali tuai.

"Saya sedia berkongsi ilmu dengan sesiapa berminat menceburi bidang pertanian ini. Saya rasa bagaimana susahnyanya nak dapatkan ilmu, jadi saya mahu semua orang tahu macam mana nak tanam rock melon atau sayur.

"Jangan takut nak cuba sebab kerajaan ada banyak bantuan dan skim khusus dalam bidang pertanian terutama kepada anak muda," katanya lagi.

KERATAN AKHBAR : Berita Harian

TARIKH : 2 April 2019

PERKARA : Pertanian

→ ISU

(FOTO ROSHAN WAHID /BH)

Agro Mall FAMA jual hasil tani, perladangan



➔ Pasar raya pertama beroperasi di Puchong dijadual buka akhir tahun

Salahuddin (tengah) mencuba produk makanan usahawan tempatan pada Majlis Perhimpunan Usahawan Bimbingan FAMA di Kuala Lumpur, semalam.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebuah pasar raya yang menjual pelbagai produk dan hasil pertanian dijangka dibuka tahun ini dengan fokus kepada meningkatkan hasil jualan industri pertanian dan perladangan negara. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pembukaan pasar raya pertama di Puchong itu adalah lanjutan usaha kerajaan memasar-

kan hasil pertanian menerusi pembukaan Pasar Tani dan Agrobazar.

Beliau berkata, majlis pecah tanah pasar raya itu akan dilakukan bulan ini dan dijangka siap pada hujung tahun atau tahun depan.

"Kita sudah ada Pasar Tani dan Agrobazar. Saya sendiri capai hujung tahun lepas supaya FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) ada satu lagi baby (lokasi pemasaran baharu)."

"Jadi, kita kena fokus kepada pasar raya pula. Ketua Pengarah (FAMA) kata, upacara pecah tanah pada April. Tanah (tapak pasar ra-

ya) di Puchong. Kalau tiada apa yang menghalang, kita akan dapat saksi sebuah Agro Mall FAMA pada tahun ini," katanya selepas merasmikan Majlis Perhimpunan Usahawan Bimbingan FAMA, di sini, semalam.

RM2.9b jualan FAMA tahun lalu

Beliau berkata, tahun lalu, FAMA berjaya menjana hasil jualan sebanyak RM2.9 bilion diperolehi dari 2,755 outlet pemasaran yang membabitkan 70,000 usahawan mereka.

"Kita masih tidak puas hati (dengan jualan diperolehi) tetapi ia

sudah menunjukkan kemajuan yang agak ketara kerana golongan (usahawan tani) ini membesar dan harus diberikan galakan oleh kerajaan dan FAMA.

"Kita sasaran ada peningkatan 10 peratus daripada apa yang kita peroleh sekarang (jualan RM2.9 bilion), sasaran itu saya rasa realistik dan praktikal," katanya.

Ditanya mengenai konsep koperasi yang dicadangkan FAMA, Salahuddin berkata, ia baik dalam merangsang peningkatan hasil dan pendapatan petani terutama di kawasan luar bandar atau yang me-

iliki tapak tuaian pertanian yang kecil.

"Kita akan lihat kalau ia satu perkara yang dirasakan perlu dan praktikal, kita akan bantu. Memang konsep koperasi ini baik, tetapi mesti diurus dengan ter-susun supaya ia dapat benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat.

"Saya lihat macam petani kita yang ada tanah pertanian satu ekar atau dua ekar, dia pemain kecil. Dengan konsep koperasi, kita boleh mengurus supaya kebun ini boleh diperbesar lagi," katanya.